



CUKAI JUALAN 2018

PANDUAN: A. PENGILANGAN B. IMPORT / EKSPORT

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

01 Januari 2021

Penerbitan

Tarikh: 01 Januari 2021.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2018 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
KONSEP CUKAI JUALAN	1
A. PENGILANGAN	
SKOP PENGILANG	1
AKTIVITI-AKTIVITI PENGILANGAN	2
Pengilangan	2
Subkontrak	5
Pemulangan Barang-Barang untuk Diproses Semula dan Diperbaiki	7
PENGECUALIAN DARIPADA PENDAFTARAN	8
PEMBELIAN BAHAN MENTAH, KOMPONEN DAN MESIN / PERALATAN	10
Bahan Mentah dan Komponen	10
Mesin dan Peralatan	12
PELUPUSAN MESIN, PERALATAN DAN ALAT GANTI	13
TEMPOH BERCUKAI	14
PENYERAHAN PENYATA	14
PEMBAYARAN CUKAI	14
PENYEDIAAN DOKUMEN	15
PENYIMPANAN REKOD	15
PENGIRAAN DUTI / CUKAI	16
KEMUDAHAN	23
Pengecualian	23
Hutang lapuk	24

B. IMPORT DAN EKSPORT

IMPORT.....	25
Pengimportan dan Pengangkutan Barang-Barang ke Kawasan Utama Kastam (KUK) 25	
Pengimportan dan pengangkutan barang ke / dari Kawasan Ditetapkan (DA)	25
Pengimportan dan Pengangkutan Barangan ke / dari Kawasan Khas	27
Pengimportan barang-barang ke Kedai Bebas Cukai (KBC).....	33
EKSPORT	35
Eksport Terus	35
Eksport Melalui Pihak Ketiga.....	35
SOALAN-SOALAN LAZIM	37
Peralihan GST pada Kadar Standard (0%) ke Cukai Jualan.....	37
Pengilangan	38
PERTANYAAN.....	42
BANTUAN LANJUT DAN MAKLUMAT BERKENAAN SST.....	42
LAMPIRAN.....	43
Jadual 1: Layanan Cukai Jualan Kawasan Ditetapkan (DA)	43
Jadual 2: Layanan Cukai Jualan Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	44
Jadual 3: Layanan Cukai Jualan Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	45
Jadual 4: Layanan Cukai Jualan Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	46
Jadual 5: Layanan Cukai Jualan Kawasan Khas (Kawasan Pembangunan Bersama / JDA)	47
Jadual 6: Layanan Cukai Jualan Kedai Bebas Cukai (KBC)	48

PENGENALAN

1. Mulai 1 September 2018, Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 bersama-sama peraturan-peraturan subsidiarinya telah diperkenalkan untuk menggantikan Akta Cukai Jualan dan Perkhidmatan 2014.
2. Panduan ini disediakan untuk membantu pengilang berdaftar dan pihak industri (kecuali industri automotif) di dalam memahami butiran-butiran yang berkaitan dengan cukai jualan yang dikenakan ke atas barang-barang yang dikilang dan diimport, atau jualan serta pengangkutan barang-barang siap yang dikilang selaras dengan dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan cukai jualan.

KONSEP CUKAI JUALAN

3. Cukai jualan yang ditadbir di Malaysia adalah cukai seperingkat yang dikenakan ke atas barang-barang siap yang dikilangkan di Malaysia dan barang-barang yang diimport ke dalam Malaysia.
4. Cukai jualan dikenakan ke atas barang-barang bercukai yang dikilang di Malaysia oleh mana-mana pengilang berdaftar pada masa barang-barang tersebut dijual, dilupuskan selain melalui jualan atau digunakan selain daripada sebagai bahan di dalam pengilangan barang bercukai tersebut.
5. Cukai jualan ke atas barang-barang import dikenakan semasa barang-barang tersebut diikrarkan, duti / cukai telah dibayar pada masa pelepasan Kastam.

A. PENGILANGAN

SKOP PENGILANG

6. Pengilang yang mengilang barang-barang bercukai dengan nilai jualan yang melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan, adalah bertanggungan untuk berdaftar di bawah Seksyen 12 Akta Cukai Jualan 2018.

7. Pengilang yang mengilang barang-barang bercukai dengan nilai jualan sebanyak RM500,000 dan ke bawah, mempunyai pilihan untuk berdaftar secara sukarela di bawah Seksyen 14 Akta Cukai Jualan 2018.
8. Pengilang yang menjalankan perniagaannya sebagai subkontraktor dan jumlah caj buruh bagi kerja-kerja subkontrak yang melebihi RM500,000 dalam tempoh 12 bulan, bertanggungan untuk berdaftar di bawah Seksyen 12 Akta Cukai Jualan 2018.


AKTIVITI-AKTIVITI PENGILANGAN

Pengilangan

9. Seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 Akta Cukai Jualan 2018, prinsip-prinsip yang berkaitan dengan definisi pengilangan adalah:


- (i) Pengilangan adalah proses menukar bahan-bahan organik atau bukan organik secara manual atau secara mekanikal kepada suatu produk baru dengan mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan tersebut.

Contoh A: Proses Pengilangan Gitar



- (ii) Pemasangan peralatan dan komponen kepada suatu mesin atau kelengkapan, seperti pemasangan komputer peribadi dan televisyen.
- (iii) Mengubah kualiti barang siap menjadi produk baru, seperti *hot-dip galvanizing*, krom, penyaduran elektrik dan kerja subkontrak mengecat barang siap yang dihantar oleh pengilang lain seperti mengecat kit badan kereta / aksesori. Pengilang hanya mengenakan caj upah untuk kerja yang dilakukan ke atas barang siap tersebut.


Contoh B: Proses Hot-dip Galvanizing (HDG)




Hot-dip galvanizing (HDG) adalah proses salutan keluli fabrikasi dengan menggunakan pelindung salutan zink untuk keluli atau besi, bagi mencegah daripada karat dengan merendamnya di dalam zink cair. Terdapat tiga langkah asas dalam proses Hot-dip galvanizing; penyediaan permukaan, galvanizing dan pemeriksaan.

- (iv) Pengilangan produk petroleum melibatkan proses penapisan termasuklah pengasingan, penukaran, pembersihan dan campuran aliran penapisan (contohnya: *reformate isomerate*, rawatan *naphtha*) dan/atau aliran petrokimia (contohnya: *MTBE Methyl ter-butyl ether*).

Contoh C: Unit Penyulingan dan Produk Minyak Mentah



This simplified drawing shows many of a refinery's most important processes.



10. Proses pengilangan yang mudah seperti menggabungkan dua atau tiga peralatan / komponen dengan skru ke atas sebuah mesin adalah **tidak tertakluk** kepada definisi pengilangan dengan syarat bahawa:

- (i) Mesin tersebut adalah lengkap dan tiada apa-apa bahan-bahan tambahan yang digunakan di dalam pemasangan baru tersebut.
- (ii) Pemasangan boleh dibuat dengan mudah dan cepat.

Contoh: Pemasangan mesin di sebuah kilang.

Ringkasan:

Syarikat telah membeli mesin dan komponen yang akan dipasang di kilang milik syarikat tersebut.

Rasional:

Proses pemasangan tersebut adalah tidak tertakluk kepada definisi pengilangan di bawah Seksyen 3 Akta Cukai Jualan 2018.

11. Barang bercukai yang dikilang serta aktiviti pengilangan yang dijalankan di Kawasan Yang Ditetapkan (DA) dan Kawasan Khas (SA) adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 49 dan 56 Akta Cukai Jualan 2018.

Subkontrak

12. Subkontraktor lazimnya melakukan kerja yang diberikan oleh pengilang lain. Pengilang tersebut membekalkan bahan mentah atau barang-barang separuh siap kepada subkontraktor untuk melakukan kerja-kerja tambahan bagi melengkapkan barang tersebut.

Pengilang berdaftar boleh memohon untuk melantik subkontraktor dengan mengemukakan permohonan melalui sistem **MySST**.

13. Kerja subkontrak kepada orang lain terdiri daripada butiran-butiran berikut:

- (i) Subkontrak kepada pengilang berdaftar lain

Barang-barang separa siap dihantar daripada pengilang berdaftar kepada satu pengilang berdaftar lain untuk dikilang dan dilengkapkan proses pengilangan. Barang siap tersebut seterusnya diperolehi semula oleh pengilang berdaftar yang sama dan tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pengilang berdaftar tersebut di bawah butiran 5 Jadual C Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

- (ii) Subkontrak kepada pengilang tidak berdaftar

(a) Barang-barang diangkut daripada pengilang berdaftar kepada mana-mana pengilang tidak berdaftar untuk dilengkapkan proses pengilangannya. Barang siap tersebut kemudian diperoleh semula oleh pengilang berdaftar yang sama dan tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pengilang tidak berdaftar di bawah butiran 62 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

(b) Barang-barang separa siap yang diangkut daripada pengilang di Zon Bebas (ZB) yang terletak dalam Kawasan Khas, kepada mana-mana pengilang tidak berdaftar di Kawasan Utama Kastam (KUK) untuk pemprosesan selanjutnya atau dilengkapkan kepada barang siap, adalah seolah-olah suatu pengimportan barang ke dalam Malaysia. Apa-apa barang yang diimport adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pengilang di bawah butiran 54

Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

Barang-barang yang dikembalikan kepada pengilang di ZB adalah seolah-olah barang-barang itu dieksport dari Malaysia ke tempat di luar Malaysia di bawah perenggan 58(1)(b) Akta Cukai Jualan 2018 dan pengecualian daripada membayar cukai jualan boleh dituntut oleh pengeksport di bawah butiran 56 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

- (iii) Subkontrak kepada Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) / Zon Perindustrian Bebas (FIZ)

Barang-barang diangkut daripada pengilang di KUK ke FIZ atau dipindahkan ke GPB di bawah Seksyen 65A Akta Kastam 1967 untuk kerja-kerja subkontrak dan kemudiannya diimport semula atau dipulangkan melalui laluan yang sama kepada pengilang di KUK, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pengilang di bawah butiran 38 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

Pemulangan Barang-Barang untuk Diproses Semula dan Diperbaiki

14. Barang-barang yang diimport dari mana-mana negara, diangkut dari FIZ atau Labuan yang terletak dalam Kawasan Yang Ditetapkan (DA) atau dipindahkan dari GPB untuk pembaikan dan kemudiannya dieksport semula, diangkut atau dipindahkan semula melalui laluan yang sama dalam tempoh tiga (3) bulan, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pengimport di bawah butiran 34 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

15. Barang bercukai yang dikilang di Malaysia, kecuali petroleum, yang telah dieksport dan kemudiannya diimport semula dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh eksport untuk tujuan pemprosesan semula, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan

pengecualian dituntut oleh pengimport di bawah butiran 35 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

16. Barang-barang yang dieksport ke mana-mana negara, diangkut ke FIZ atau Labuan atau dipindahkan ke GPB untuk tujuan pembaikan dan seterusnya diimport semula atau dikembalikan melalui laluan yang sama, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pengimport di bawah butiran 36 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

PENGECUALIAN DARIPADA PENDAFTARAN

17. Tanpa mengambil kira jumlah nilai jualan barang-barang kena cukai dalam tempoh dua belas (12) bulan, pengilang yang menjalankan operasi pengilangan tertentu seperti di bawah adalah dikecualikan daripada pendaftaran seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 13 (1) Akta Cukai Jualan 2018:

- (i) Mencuci dan mencetak gambar dan pengeluaran slaid filem.
- (ii) Ukiran pada barang dengan nama penerima itu, rekod sukannya atau hal keadaan lain di mana barang itu didermakan atau dianugerahkan.
- (iii) Penggabungan barang ke dalam bangunan.
- (iv) Pengilangan konkrit siap campur.
- (v) Penyediaan makanan.
- (vi) Penyediaan logam tar, penapisan tar, dan penyediaan campuran bitumen dan logam panas untuk pembuatan jalan.
- (vii) Pengeluaran salinan dokumen dengan fotokopi atau proses penyalinan yang serupa.

- (viii) Pembungkusan semula barang pukal ke dalam bungkusan yang lebih kecil oleh seseorang selain daripada seorang pengilang berdaftar.
- (ix) Pemberian barang terpakai atau barang yang telah digunakan.
- (x) Ujian penglihatan, preskripsi kanta yang sesuai dan pemasangan kanta tersebut ke dalam bingkai.
- (xi) Operasi yang berikut apabila dilakukan oleh seseorang selain daripada pengilang berdaftar:
 - (a) Memvarnis dan/atau menggilap kepingan perabot yang telah siap.
 - (b) Pemasangan bahagian atas kaca dan/atau pintu kaca ke perabot selain yang siap.
- (xii) Pengurangan saiz dan/atau perubahan bentuk bahan bercukai tanpa mengubah sifat bahan tersebut, dengan syarat bahawa ukuran dan/atau bentuknya bukan sebahagian daripada proses biasa dalam pengilangan suatu barang yang berasingan.
- (xiii) Pemberian perkhidmatan jahitan peribadi tetapi tidak termasuk pengilangan pakaian dan barang tekstil lain berdasarkan pukal dan bukan pengeluaran peribadi oleh firma atau syarikat yang terlibat dalam perniagaan pengilangan pakaian dan barang tekstil lain.
- (xiv) Mencetak logo, mengait, krusye atau menyulam pada pakaian siap yang dibekalkan oleh orang lain.
- (xv) Pewarnaan kain yang dibekalkan oleh orang lain tanpa mengubah saiz atau bentuk kain tersebut.
- (xvi) Pengilangan kain batik menggunakan teknik tradisional pencetakan blok secara manual, pencetakan skrin secara manual dan/atau lukisan tangan atau lukisan dan barang daripadanya.

- (xvii) Pemasangan penyaman udara dalam kenderaan bermotor.
- (xviii) Pengilangan barang kemas dan barang tukang emas.
- (xix) Mengekstrak emas daripada bijih mineral.
- (xx) Mendapatkan semula emas dari barang kemas dan/atau penyulingan emas.

PEMBELIAN BAHAN MENTAH, KOMPONEN DAN MESIN / PERALATAN

Bahan Mentah dan Komponen

18. Pengecualian cukai jualan diberikan kepada bahan mentah dan komponen yang digunakan secara langsung dalam proses pengilangan barang, daripada peringkat awal pengilangan sehingga menjadi barang siap yang kemudiannya dibungkus dan sedia untuk dieksport. Ini termasuklah bahan-bahan pembungkusan dan bekas (contohnya bekas untuk kalkulator dan kamera). Pengecualian ini diberikan dengan syarat bahawa ia adalah dituntut oleh orang yang layak bagi tuntutan tersebut atau barang-barang dikecualikan daripada cukai jualan di dalam perintah pengecualian.

19. Bahan mentah / komponen yang **tidak layak untuk pengecualian cukai jualan**, adalah seperti berikut:

- (i) Bahan bakar
- (ii) Bahan-bahan untuk tujuan pembersihan kilang dan mesin
- (iii) Pakaian untuk pekerja
- (iv) Perabot / peralatan pejabat
- (v) Bahan binaan

(vi) Makanan dan minuman

20. Bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan kecuali petroleum, diimport atau dibeli daripada mana-mana pengilang berdaftar atau GPB atau Gudang Berlesen (GB), oleh mana-mana pengilang berdaftar di KUK, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pengilang berdaftar di bawah butiran

1 Jadual C Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

21. Bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan termasuk petroleum untuk digunakan sebagai bahan mentah, diimport dari GPB atau GB atau dibeli daripada mana-mana pengilang berdaftar oleh mana-mana pengilang produk petroleum berdaftar, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pengilang produk petroleum berdaftar di bawah butiran 2 Jadual C Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

22. Pengecualian yang dinyatakan pada perenggan 19 dan 20 boleh dituntut dengan syarat bahawa:

- (i) Bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan termasuk petroleum hendaklah digunakan semata-mata dalam pengilangan barang siap yang dikilang oleh pengilang berdaftar.
- (ii) Pengilang berdaftar perlu membayar cukai jualan ke atas bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan termasuk petroleum, yang tidak dapat diakaunkan.

Mesin dan Peralatan

23. Mesin / peralatan yang diperlukan untuk pengilangan adalah semua barang yang diperlukan untuk memproses barang-barang yang dikilang bermula daripada peringkat awal sehingga akhir di mana produk akhir tersebut sedia untuk dijual atau dieksport.
24. Semua mesin dan peralatan mestilah dalam keadaan baru serta belum digunakan yang termasuk kelengkapan untuk pengujian, peralatan kawalan kualiti, mesin pelabelan, alat timbang, alat ganti, gantian mesin/peralatan, alat pengisar batu, peralatan kawalan pencemaran untuk rawatan sisa buangan industri, perisai kimpalan, pusat unit loji penyamanan udara untuk kegunaan kilang, alat ganti mesin dan komputer untuk kegunaan kilang sahaja. Selain daripada diimport, mesin dan peralatan juga boleh dibeli daripada pembekal tempatan.
25. Mesin / peralatan yang **tidak termasuk** di dalam takrifan tersebut di atas adalah *forklifts*, bahan-bahan pembinaan / bangunan, peralatan/ perabot pejabat, kelengkapan anti-kebakaran, kenderaan serta mesin penjana.
26. Mesin dan kelengkapan yang diimport atau dibeli daripada GPB, GB, ZB atau pengilang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah (KP) Kastam, oleh mana-mana pengilang di KUK yang telah disahkan oleh MIDA, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pengilang di KUK di bawah butiran 55 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.
27. Pengecualian cukai jualan ke atas mesin dan peralatan yang diimport atau dibeli oleh pengilang yang diluluskan boleh dituntut dengan syarat bahawa:

- (i) Mesin dan peralatan tersebut adalah baru serta belum digunakan dan ditempatkan setiap masa di premis pengilang yang diluluskan.
- (ii) Mesin dan peralatan perlu digunakan secara langsung di dalam pengilangan barang siap di premis pengilang yang diluluskan.

- (iii) Semua mesin dan peralatan yang dikecualikan daripada cukai jualan tidak boleh dijual, dipindahmilk atau dipindahkan dari premis pengilang yang diluluskan tanpa kebenaran KP.
- (iv) Pengilang hendaklah membayar cukai ke atas barang-barang yang tidak boleh diakaunkan.

PELUPUSAN MESIN, PERALATAN DAN ALAT GANTI

28. Pelupusan bagi mesin, peralatan dan alat ganti yang diimport atau diperolehi melalui pengecualian cukai di bawah butiran 55 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 boleh dibuat melalui beberapa cara termasuklah pemusnahan, pemindahan, jualan, eksport dan pemberian percuma.

29. Sekiranya barang-barang yang hendak dilupus tersebut berusia kurang daripada 10 tahun dari tarikh pengimportan atau pembelian, pengilang berdaftar hendaklah mengakaunkan cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan di bawah butiran 55 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018. Pengilang berdaftar perlu mengakaunkan cukai berdasarkan kadar cukai serta nilai barang semasa perolehannya daripada pembekal seperti yang dinyatakan dalam Perintah Duti Kastam 2017 dan Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2018 untuk sisa atau skrap.

30. Jika barang-barang tersebut berusia 10 tahun atau lebih, pengilang berdaftar adalah dikecualikan daripada membayar cukai jualan.

31. Kelulusan daripada agensi-agensi berkaitan perlu diperolehi terlebih dahulu jika barang-barang yang dikecualikan daripada cukai jualan tersebut hendak dimusnahkan dan tertakluk kepada peraturan atau kawalan agensi yang berkenaan, contohnya Jabatan Alam Sekitar.

TEMPOH BERCUKAI

32. Tempoh bercukai seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2 dan 25 Akta Cukai Jualan 2018 adalah dua (2) bulan kalender atau sebahagian daripada dua bulan itu berakhir pada hari terakhir bulan yang kedua itu.

PENYERAHAN PENYATA

33. Sepertimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 26 Akta Cukai Jualan (Akta Cukai Jualan) 2018, penyata cukai jualan hendaklah dikemukakan tidak lewat dari hari terakhir bulan berikut tempoh bercukai yang ditetapkan.

34. Setiap pengilang berdaftar dikehendaki mengemukakan penyata cukai jualan sama ada terdapat apa-apa barang-barang bercukai dikilangkan, dijual, dilupuskan selain dari jualan, dilupuskan selain dari penggunaan sebagai bahan dalam pengilangan dan sama ada apa-apa cukai jualan dibayar atau tidak untuk tempoh bercukai tersebut.

PEMBAYARAN CUKAI

35. Pengilang berdaftar adalah bertanggungjawab mengikrar jualan barang bercukai dalam penyata cukai jualan selaras dengan Seksyen 26 Akta Cukai Jualan 2018 dan membayar cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar tidak lewat dari hari terakhir di mana pengilang berdaftar dikehendakki untuk mengemukakan penyata.

36. Barang siap yang dikilang dan dieksport keluar Malaysia oleh pengilang berdaftar adalah dikecualikan daripada cukai jualan di bawah butiran 56 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 dan hendaklah diikrar dengan menggunakan Borang Kastam No.2 (K2).

PENYEDIAAN DOKUMEN

37. Pengilang berdaftar adalah dikehendaki menyediakan dokumen-dokumen atas perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Invois dikeluarkan ke atas jualan barang-barang bercukai dalam Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) atau Bahasa Inggeris sepetimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 21 Akta Cukai Jualan 2018.
- (ii) Pengeluaran dan penerimaan nota kredit atau nota debit untuk membuat potongan atau tambahan atas penjualan dan pembelian barang-barang bercukai sepetimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 23 Akta Cukai Jualan 2018.

PENYIMPANAN REKOD

38. Seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 24 Akta Cukai Jualan 2018, tiap-tiap orang kena cukai dikehendaki menyimpan rekod mengenai perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Rekod jualan barang-barang bercukai;
- (ii) Rekod pengimportan dan pengeksportan barang-barang bercukai;
- (iii) Rekod-rekod lain seperti:
 - (a) Invois pembelian dan pemulangan semua bahan-bahan mentah, serta bahan pembungkusan yang digunakan dalam pengilangan;
 - (b) Penyata cukai jualan yang disimpan secara teratur dan kemaskini
 - (c) Dokumen-dokumen perjanjian atau transaksi dengan penjual atau pembeli bagi tujuan pemeriksaan atau audit.

PENGIRAAN DUTI / CUKAI

39. Bagi pengiraan cukai jualan ke atas barang-barang import dan barang-barang pengilangan tempatan, nilai import dan nilai jualan barang-barang hendaklah dikira berpandukan kepada prinsip-prinsip penilaian yang digariskan di bawah Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai) 2018 selaras dengan Seksyen 9 Akta Cukai Jualan 2018.

40. Bagi barang bercukai yang dikilang oleh orang kena cukai, nilai jualan ditentukan dengan mengambilkira nilai:

- (i) Barang yang dijual oleh orang kena cukai; atau
- (ii) Barangan yang dikilang oleh orang kena cukai dan
 - (a) Digunakan oleh beliau selain dari digunakan sebagai bahan dalam pengeluaran barang bercukai; atau
 - (b) Dilupus oleh beliau selain daripada dijual.

41. Bagi barang yang diimport, nilai barang bercukai untuk tujuan bayaran duti/ cukai adalah jumlah nilai perkara-perkara berikut:

- (i) Nilai barang bercukai tersebut untuk tujuan bayaran duti kastam;
- (ii) Jumlah duti kastam, sekiranya ada, dibayar atau akan dibayar atas barang bercukai tersebut; dan
- (iii) Jumlah duti eksais, sekiranya ada, dibayar atau akan dibayar atas barang bercukai tersebut.

42. Contoh-contoh pengiraan duti / cukai terhadap barang-barang yang diimport:

(i) **Pengimportan barang-barang berdutti**
(Duti Import dan Cukai Jualan yang dibayar atau perlu dibayar, tiada duti eksais)

Nilai Kastam Barang-Barang	- RM10,000.00
Duti Import @30%	= <u>RM 3,000.00</u>
Nilai Kastam + Duti Import	- RM13,000.00
Cukai Jualan (10%)	= <u>RM 1,300.00</u>

(ii) **Pengimportan barang-barang berdutti**
(Duti Import, Duti Eksais dan Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar)

Nilai Kastam Barang-Barang	- RM10,000.00
Duti Import @30%	= <u>RM 3,000.00</u>
Nilai Kastam + Duti Import	- RM13,000.00
Duti Eksais @60%	= <u>RM 7,800.00</u>
Nilai Kastam + Duti Import + Duti Eksais	- RM20,800.00
Cukai Jualan @10%	= <u>RM 2,080.00</u>

(iii) **Pengimportan barang-barang berdutti**
(Dikecualikan Duti Import dan Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar)

Nilai Kastam Barang-Barang	- RM10,000.00
Duti Import @30%	= <u>RM 0.00</u>
Nilai Kastam + Duti Import	- RM10,000.00

Cukai Jualan @10% = RM 1,000.00

- (iv) **Pengimportan barang-barang berduti**
(Duti Import dibayar atau perlu dibayar, cukai jualan dikecualikan)

Nilai Kastam Barang-Barang	- RM10, 000.00
Duti Import @30%	= <u>RM 3,000.00</u>
Nilai Kastam + Duti Import	- RM13, 000.00
Cukai Jualan @10%	= <u>RM 0.00</u>

- (v) **Pengimportan barang-barang berduti dikecualikan contohnya Pengecualian Perbendaharaan di bawah Seksyen 14(2) Akta Kastam 1967 atau mana-mana butiran di bawah perintah pengecualian**
(Duti Import dan Duti Eksais 50% dikecualikan, Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar)

Nilai Kastam Barang-Barang	- RM10, 000.00
Duti Import @30% (Pengecualian 50%)	= <u>RM 1,500.00</u>
Nilai Kastam + Duti Import	- RM11, 500.00
Eksais Duti @60% (Pengecualian 50%)	= <u>RM 3,450.00</u>
Nilai Kastam + Duti Import + Duti Eksais	- RM14, 950.00
Cukai Jualan @10%	= <u>RM 1,495.00</u>

- (vi) **Pengimportan barang-barang yang berduti dari Kawasan Khas ke Kawasan Utama Kastam**
(Duti Import dan Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar)

Nilai Kastam Barang-Barang	- RM10, 000.00
Duti Import @30%	= <u>RM 3,000.00</u>
Nilai Kastam + Duti Import	- RM13, 000.00
Cukai Jualan @10%	= <u>RM 1,300.00</u>

(vii) **Pengimportan rokok**

(Duti Import, Duti Eksais dan Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar)

Barang-Barang	- Rokok
Kod Tarif	- 2402.20.9000
Nilai Kastam Barang-Barang	- RM 100.00
Kuantiti	- 1 kotak
Bilangan Batang Dalam Satu Kotak	- 20 batang
Pengiraan Cukai	- Kadar Duti x Bilangan Batang
Kadar Duti Import	- RM 0.20/batang
Pengiraan Cukai	- RM 0.20/batang x 20 batang
Duti Import	= <u>RM 4.00</u>
Kadar Eksais Duti	- RM 0.40/batang
Pengiraan Cukai	- RM 0.40/batang x 20 batang
Duti Eksais	= <u>RM 8.00</u>
Nilai Kastam + Duti Import + Duti Eksais	- (RM 100.00 + RM 4.00 + RM 8.00) = RM 112.00
Cukai Jualan @10%	= <u>RM 11.20</u>

(viii) **Pengimportan tembakau**

(Duti Import, Duti Eksais dan Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar)

Barang-Barang	- Ang Hoon (Tembakau)
Kod Tarif	- 2403.19.1100
Kuantiti	- 1 kg
Nilai Kastam Barang-Barang	- RM 100.00
Kadar Duti Import	- 5% dan RM 40.00
Pengiraan Cukai	- $(RM\ 100.00 \times 5\%) + (RM\ 40.00 \times 1\ kg)$ - RM 5.00 + RM 40.00
Duti Import	= RM 45.00
Kadar Duti Eksais	- RM 27.00 dan 5%
Pengiraan Cukai	- $(RM\ 27.00 \times 1\ kg) + [(Nilai\ Kastam + Duti\ Import) \times 5\%]$ - RM 27.00 + $[(RM\ 100.00 + RM\ 45.00) \times 5\%]$ - RM 27.00 + $(RM\ 145.00 \times 5\%)$ - RM 27.00 + RM 7.20
Duti Eksais	= RM 34.25
Nilai Kastam + Duti Import +Duti Eksais	- RM 100.00 + RM 45.00 + RM 34.25 - RM 179.25
Cukai Jualan @10%	= RM 17.92

(ix) **Pengimportan minuman keras**

(Duti Import, Duti Eksais dan Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar)

Barang-Barang	- Bir
Kod Tarif	- 2203.00.9900
Nilai Kastam Barang-Barang	- RM 100.00
Kuantiti	- 1 botol
Kandungan	- 350 ml
Kandungan Alkohol	- 5.5% vol / botol
Kadar Duti Import	- RM 5.00
Duti Import	= <u>RM 5.00</u>
Kadar Duti Eksais	- Kadar Duti Eksais x Kuantiti x kandungan alkohol
Pengiraan Cukai	- RM 175.00 setiap 100% vol seliter x 0.35 liter x 5.5%
Duti Eksais	= <u>RM 3.37</u>
Nilai CIF + Duti Import + Duti Eksais	- (RM100.00 + RM5. 00 + RM3.37) = RM108.37
Cukai Jualan @10%	= <u>RM 10.83</u>

43. Contoh-contoh pengiraan duti / cukai terhadap barang-barang pengilangan tempatan:

- (i) **Barang Bercukai yang Dikilang di Malaysia / Tempatan**
(Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar, tiada Duti Eksais)

Nilai Jualan Barang-Barang	- RM10,000.00
Cukai Jualan @10%	- RM10,000.00 x 10%
	= <u>RM 1,000</u>

(ii) Barang Bercukai yang Dikilang di Malaysia / Tempatan (Duti Eksais dan Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar)	
Barang-Barang	- Rokok
Kod Tarif	- 2402.20.9000
Harga Pasaran Terbuka (HPT)	- RM 100.00
Kuantiti	- 1 box
Bilangan batang dalam 1 kotak	- 20 batang
Kadar Duti Eksais	- RM 0.40 sebatang
Pengiraan Cukai	- Kadar Duti x Bilangan Batang
	- RM 0.40 / batang x 20 batang
Duti Eksais	= <u>RM 8.00</u>
HPTE + Duti Eksais	- RM 100.00 + RM 8.00
	- RM 108.00
Cukai Jualan (10%)	= <u>RM 10.80</u>

**(iii) Barang Bercukai yang Dikilang di Malaysia / Tempatan
(Duti Eksais dan Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar)**

Barang-Barang	- Ang Hoon (Tembakau)
Kod Tarif	- 2403.19.1100
Kuantiti	- 1 kg
Harga Pasaran Terbuka (HPT)	- RM 120.00
Kadar Duti Eksais	- RM 27.00 and 5%
Pengiraan Cukai	- (RM 27.00 x 1 kg) + (RM 120.00 x 5%)
	- RM 27.00 + RM 6.00
Duti Eksais	= <u>RM 33.00</u>
HPT + Duti Eksais	- RM 120.00+RM 33.00

- RM 153.00
Cukai Jualan @10% = RM 15.30

**(iv) Barang-Barang Pengilangan Tempatan Berduti
(Duti Eksais dan Cukai Jualan dibayar atau perlu dibayar)**

Barang-Barang	- Bir
Kod Tarif	- 2203.00.9900
Harga Pasaran Terbuka (HPT)	- RM 100.00
Kuantiti	- 1 tin
Kandungan	- 350 ml
Kandungan Alkohol	- 5.5% vol / liter
Kadar Duti Eksais	- Kadar Duti Eksais x Kuantiti x Kandungan Alkohol
Pengiraan Cukai	- RM 175.00 per 100% vol. per liter x 0.35 liter x 5.5%
Duti Eksais	= <u>RM 3.37</u>
OMV+Duti Eksais	- RM 100.00 + RM 3.37
Cukai Jualan @10%	= RM 10.33

KEMUDAHAN

Pengecualian

43. Pengilang berdaftar adalah layak untuk menikmati pelbagai pengecualian yang diberikan di bawah Perintah Cukai Jualan (Barang-Barang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018 dan Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018.

44. Pengecualian cukai jualan ke atas barang-barang yang diimport atau dikilang di Malaysia boleh dituntut di bawah Jadual A Perintah Cukai Jualan (Barang-Barang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018 seperti yang ditetapkan pada perenggan 2 dan 3 perintah yang sama.

45. Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 adalah pengecualian daripada pembayaran cukai yang diberikan kepada orang tertentu.

46. Jadual B Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 adalah pengecualian daripada pembayaran cukai yang diberikan kepada mana-mana pengilang berdasarkan barang-barang yang dikilangkan olehnya.

47. Jadual C Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 adalah pengecualian daripada pembayaran cukai diberikan kepada mana-mana pengilang berdaftar atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pengilang berdaftar.

- ***Sila rujuk Perintah Cukai Jualan serta Panduan Kemudahan Dan Pengecualian Cukai Jualan yang dipaparkan di dalam portal MySST untuk maklumat lanjut berkenaan butir-butir pengecualian.***

Hutang lapuk

48. Pengilang berdaftar boleh menuntut kembali sama ada sepenuhnya atau sebahagian cukai jualan yang telah dibayar kepada KP dengan syarat:

- (i) Keseluruhan atau sebahagian cukai jualan telah dihapus kira sebagai hutang lapuk di dalam akaunnya dan;

- (ii) KP berpuas hati bahawa usaha-usaha yang munasabah telah diambil untuk memperolehi semula cukai jualan yang terlibat.
- ***Sila rujuk Panduan Hutang Lapuk, Pemulangan Balik, Pulang Balik dan Remisi seperti yang dipaparkan di laman web Kastam untuk maklumat lanjut berkenaan permohonan tuntutan hutang lapuk.***

B. IMPORT DAN EKSPORT

IMPORT

Pengimportan dan Pengangkutan Barang-Barang ke Kawasan Utama Kastam (KUK)

49. Selain daripada barang-barang yang disenaraikan di bawah Perintah Cukai Jualan (Barang-Barang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018, barang-barang yang diimport ke KUK adalah tertakluk kepada cukai jualan. Pengimportan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 1 (K1) dan cukai jualan perlu dibayar semasa pelepasan Kastam.

50. Barang bercukai yang diangkut dari GB atau GPB ke KUK perlu diikrarkan di dalam borang Kastam 9 (K9).

51. Barang bercukai yang diangkut dari ZB ke KUK perlu diikrarkan di dalam borang Kastam No.1 (K1).

Pengimportan dan pengangkutan barang ke / dari Kawasan Ditetapkan (DA)

52. DA merupakan satu kawasan yang terdiri daripada Labuan, Langkawi serta Tioman dan dikecualikan daripada tafsiran Malaysia khususnya di bawah Bahagian VIII Akta Cukai Jualan 2018.

53. Cukai jualan tidak dikenakan ke atas barang bercukai yang diimport, diangkut dan dijual dalam keadaan yang berikut bagi **DA**:

- (i) Barang bercukai yang diimport dari suatu tempat di luar Malaysia ke DA tidak tertakluk kepada cukai jualan mengikut perenggan 50(a)(i) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 1 (K1).
- (ii) Barang bercukai yang diangkut dari Malaysia ke DA dianggap seolah-olah pengeksportan mengikut perenggan 51(1)(b) Akta Cukai Jualan 2018. Barang-barang tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan seperti yang dinyatakan di bawah perenggan 50(a)(i) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 2 (K2) di Malaysia.

Walau bagaimanapun, cukai jualan dikenakan ke atas beberapa barang seperti seperti yang dinyatakan pada Perintah Cukai Jualan (Pengenaan Cukai Jualan Di Kawasan yang Ditetapkan) 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 1 (K1) apabila memasuki DA.

- (iii) Barang bercukai yang diangkut dari satu DA ke DA yang lain adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 50(a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
- (iv) Barang bercukai yang diangkut dari DA ke FZ dan GB adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 50(a)(iii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
- (v) Barang bercukai yang diangkut dari DA ke GPB adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 50(a)(iii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 1 (K1).

- (vi) Barang bercukai yang diangkut dari DA ke JDA adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan seperti mana yang diperuntukkan di bawah perenggan 50(a)(iii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang JDA No. 1 (JDA1).
 - (vii) Barang bercukai yang diangkut dari DA ke Depot Pelepasan Darat (ICD) adalah suatu pengimportan dan tertakluk kepada cukai jualan tetapi dikecualikan di bawah butiran 49 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018. Pengimportan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
 - (viii) Barang bercukai yang diangkut dari DA ke suatu tempat di luar Malaysia adalah suatu pengeksportan dan tidak tertakluk kepada cukai jualan. Pengeksportan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 2 (K2) bagi mod udara dan laut, manakala borang Kastam No. 8 (K8) untuk mod darat.
 - (ix) Barang bercukai yang diangkut dari DA ke Malaysia dianggap seolah-olah suatu pengimportan seperti yang dinyatakan di bawah perenggan 51(1)(a) Akta Cukai Jualan 2018 dan tertakluk kepada cukai jualan di bawah subseksyen 50(b) Akta Cukai Jualan 2018. Barang bercukai yang diimport hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 1 (K1).
- **Sila rujuk Jadual 1 untuk format matrik layanan cukai jualan bagi Kawasan Ditetapkan.**

Pengimportan dan Pengangkutan Barang ke / dari Kawasan Khas

54. Kawasan Khas (SA) adalah kawasan yang terdiri dengan Zon Bebas (ZB), Gudang Berlesen (GB), Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) serta Kawasan Pembangunan Bersama (JDA) dan dikeluarkan dari tafsiran Malaysia secara khusus di dalam Bahagian IX Akta Cukai Jualan 2018.

55. Cukai jualan tidak dikenakan ke atas barang bercukai yang diimport, diangkut dan dijual dalam keadaan yang berikut bagi **ZB**:

- (i) Barang bercukai yang diimport dari suatu tempat di luar Malaysia ke ZB tidak tertakluk kepada cukai jualan mengikut perenggan 57(a)(i) Akta Cukai Jualan 2018. Pengimportan ke Zon Perdagangan bebas (FCZ) hendaklah diikrarkan di dalam Borang ZB1 yang dikawalselia oleh Pihak Berkuasa Zon Bebas di bawah Akta Zon Bebas 1990, manakala Zon Perindustrian Bebas (FIZ) pula diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 8 (K8). Pengimportan ke Stulang Laut yang merupakan FCZ perlu dibuat di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
- (ii) Barang bercukai yang diangkut dari Malaysia ke ZB adalah dianggap seolah-olah pengeksportan selaras dengan Seksyen 58(1)(b) Akta Cukai Jualan 2018 serta tidak dikenakan cukai jualan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 57(a)(i) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrar di dalam Borang Kastam No. 2 (K2).
- (iii) Barang bercukai yang diangkut dari satu ZB ke satu ZB yang lain tidak dikenakan cukai jualan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 57(a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrar di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
- (iv) Barang bercukai yang diangkut dari ZB ke GPB tidak dikenakan cukai jualan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 57(a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrar di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
- (v) Barang bercukai yang diangkut dari ZB ke JDA tidak dikenakan cukai jualan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 57(a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrar di dalam borang JDA No. 1 (JDA1).

- (vi) Barang bercukai yang diangkut dari ZB ke DA tidak dikenakan cukai jualan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 57(a)(iii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrar di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
 - (vii) Barang bercukai yang diangkut dari ZB ke ICD adalah suatu pengimportan dan tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian diberikan oleh pengimport di bawah butiran 49 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018. Pengikraran import hendaklah diikrar di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
 - (viii) Barang bercukai yang diangkut dari ZB ke suatu tempat di luar Malaysia adalah suatu pengeksportan dan tidak tertakluk kepada cukai jualan. Pengeksportan dari FCZ di dalam Borang ZB1 yang dikawalselia oleh Pihak Berkuasa Zon Bebas di bawah Akta Zon Bebas 1990, manakala pengeksportan dari FIZ hendaklah diikrarkan di dalam borang Kastam No. 8 (K8).
 - (ix) Barang bercukai yang diangkut dari ZB ke Malaysia dianggap seolah-olah suatu pengimportan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 58(1)(a) Akta Cukai Jualan 2018 dan cukai jualan dikenakan di bawah subseksyen 57(b) Akta Cukai Jualan 2018. Pengimportan hendaklah diikrarkan di dalam borang Kastam No.1 (K1).
- ***Sila rujuk Jadual 2 untuk format matriks layanan cukai jualan bagi ZB.***

56. Cukai jualan tidak dikenakan ke atas barang bercukai yang diimport, diangkut dan dijual dalam keadaan yang berikut bagi **GB**:

- (i) Barang bercukai yang diimport ke dalam GB tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(i) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam borang Kastam No. 8 (K8).

- (ii) Barang bercukai yang diangkut dari Malaysia ke GB dianggap seolah-olah pengeksportan berdasarkan perenggan 58(1)(b) Akta Cukai Jualan 2018 dan tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(i) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di Kastam borang No. 2 (K2).
- (iii) Barang bercukai yang diangkut di antara GB tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan dalam borang Kastam No. 8 (K8).
- (iv) Barang bercukai yang diangkut dari GB ke ZB dan GPB tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan dalam borang Kastam No. 8 (K8).
- (v) Barang bercukai yang diangkut dari GB ke JDA adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan dalam borang JDA No. 1 (JDA1).
- (vi) Barang bercukai yang diangkut dari GB ke DA tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(iii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan dalam borang Kastam No. 8 (K8).
- (vii) Barang bercukai yang diangkut dari GB ke ICD adalah suatu pengimportan dan tertakluk kepada cukai jualan tetapi dikecualikan di bawah butiran 49 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan dengan Membayar Cukai) 2018 dan pengimportan hendaklah diikrarkan di dalam borang Kastam No. 8 (K8).

- (viii) Barang bercukai yang diangkut dari GB ke suatu tempat di luar Malaysia adalah suatu pengeksportan dan tidak tertakluk kepada cukai jualan. Pengeksportan hendaklah diikrarkan di dalam borang Kastam No. 8 (K8).
- (ix) Barang bercukai yang diangkut dari GB ke KUK atau Malaysia dianggap seolah-olah pengimportan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 58(1)(a) Akta Cukai Jualan 2018 dan cukai jualan dikenakan di bawah subseksyen 57(b) Akta Cukai Jualan 2018. Pengimportan hendaklah diikrarkan di dalam borang Kastam No.1 (K1) atau borang Kastam No. 9 (K9).
- **Sila rujuk Jadual 3 untuk format matriks layanan cukai jualan bagi GB.**

57. Cukai jualan tidak dikenakan ke atas barang bercukai yang diimport, diangkut dan dijual dalam keadaan yang berikut bagi **GPB**:

- (i) Barang-barang yang diimport ke GPB tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(i) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan dalam borang Kastam No.1 (K1).
- (ii) Barang bercukai yang diangkut dari Malaysia ke GPB dianggap seolah-olah pengeksportan berdasarkan perenggan 58(1)(b) Akta Cukai Jualan 2018 dan tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(i) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 2 (K2).
- (iii) Barang bercukai yang diangkut di antara GPB tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57 (a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam borang GPB No.1 (GPB1).
- (iv) Barang bercukai yang diangkut dari GPB ke ZB tidak tertakluk kepada cukai jualan sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 2 (K2).

- (v) Barang bercukai yang diangkut dari GPB ke GB adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan sepetimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam borang GPB No. 2 (GPB2).
- (vi) Barang bercukai yang diangkut dari GPB ke JDA adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan sepetimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(ii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam borang JDA No. 1 (JDA1).
- (vii) Barang bercukai yang diangkut dari GPB ke DA adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan sepetimana yang diperuntukkan dalam perenggan 57(a)(iii) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 2 (K2).
- (viii) Barang bercukai yang diangkut dari GPB ke ICD adalah suatu pengimportan dan tertakluk kepada cukai jualan tetapi dikecualikan di bawah butiran 49 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018. Pengimportan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 2 (K2).

Barang bercukai yang diangkut dari GPB ke suatu tempat di luar Malaysia adalah suatu pengeksportan dan tidak tertakluk kepada cukai jualan. Pengeksportan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 2 (K2).

- (ix) Barang bercukai yang diangkut dari GPB ke Malaysia dianggap sebagai suatu pengimportan sepetimana yang diperuntukkan dalam perenggan 58(1)(a) Akta Cukai Jualan 2018 dan cukai jualan dikenakan di bawah subseksyen 57(b) Akta Cukai Jualan 2018. Pengimportan hendaklah diikrarkan di dalam borang Kastam No. 9 (K9).

- ***Sila rujuk Jadual 4 untuk format matriks layanan cukai jualan bagi GPB.***

58. Cukai jualan tidak dikenakan ke atas barang bercukai yang diimport, diangkut dan dijual dalam keadaan yang berikut bagi **JDA**:

- (i) Barang bercukai yang diimport ke dalam JDA dari luar Malaysia adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 57(a)(i) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam borang JDA No. 1 (JDA1).
 - (ii) Barang bercukai yang diangkut dari JDA ke suatu tempat di luar Malaysia adalah suatu pengeksportan dan tidak tertakluk kepada cukai jualan berdasarkan butiran 56 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018. Pengeksportan hendaklah diikrarkan di dalam borang JDA No. 2 (JDA2).
 - (iii) Barang bercukai yang diangkut dari Malaysia ke JDA atau dari JDA ke Malaysia adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 57(a)(i) Akta Cukai Jualan 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang JDA No. 3 (JDA3).
- ***Sila rujuk Jadual 5 untuk format matriks layanan cukai jualan bagi JDA.***

Pengimportan barang-barang ke Kedai Bebas Cukai (KBC)

59. Seorang yang dilesenkan (pemegang lesen) di bawah Seksyen 65D Akta Kastam 1967 untuk mengendalikan kedai bebas cukai selain daripada di kawasan-kawasan yang ditetapkan adalah dikecualikan daripada membayar cukai jualan ke atas barang-barang bercukai dalam keadaan-keadaan berikut:

- (i) Semua jenis barang bercukai yang diimport ke KBC, yang terletak di KUK adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pemegang lesen di bawah butiran 66 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
- (ii) Semua jenis barang bercukai yang diimport ke KBC, yang terletak di FCZ adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pemegang lesen di bawah butiran 66 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
- (iii) Semua jenis barang bercukai yang diangkut dari GB ke KBC yang terletak di KUK, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pemegang lesen di bawah butiran 66 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
- (iv) Semua jenis barang bercukai yang diangkut dari GB ke KBC yang terletak di FCZ, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pemegang lesen di bawah butiran 66 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).
- (v) Pengangkutan minuman keras, rokok dan produk tembakau yang dikilang di Malaysia, dari GB ke KBC yang terletak di DA, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pemegang lesen di bawah butiran 67, Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Eksais No. 8 (E8).

- (vi) Pengangkutan minuman keras, rokok dan produk tembakau yang dikilang di Malaysia, dari FCZ ke KBC yang terletak di DA, adalah tertakluk kepada cukai jualan melainkan pengecualian dituntut oleh pemegang lesen di bawah butiran 68 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 dan hendaklah diikrarkan di dalam Borang Eksais No. 8 (E8).
- **Sila rujuk Jadual 6 bagi format matriks layanan cukai jualan bagi KBC.**

EKSPORT

Eksport Terus

60. Barang bercukai yang dieksport oleh pengilang berdaftar ke luar Malaysia, adalah dikecualikan daripada membayar cukai jualan berdasarkan butiran 56 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 dengan syarat pengeksportan tersebut hendaklah diikrarkan di dalam Borang Kastam No. 2 (K2).
61. Barang-barang bercukai yang dieksport tidak dikenakan cukai jualan.
62. Jualan barang-barang bercukai yang melibatkan pengeksportan ke luar Malaysia:
- (i) Barang-barang bercukai yang diangkut dari Malaysia ke luar Malaysia adalah dianggap sebagai pengeksportan dan tidak dikenakan cukai jualan. Pengikraran eksport hendaklah diikrar dalam Borang Kastam No. 2 (K2).
 - (ii) Barang-barang bercukai yang diangkut dari ICD ke luar Malaysia adalah dianggap sebagai pengeksportan dan tidak dikenakan cukai jualan. Pengikraran eksport perlu dilakukan di dalam Borang Kastam No. 8 (K8).

Eksport Melalui Pihak Ketiga

63. Mana-mana orang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam untuk membeli barang-barang pengilangan tempatan bagi tujuan eksport adalah dikecualikan daripada membayar cukai jualan di bawah butiran 57 Jadual A Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Membayar Cukai) 2018 dengan syarat:

- (i) Barang-barang dibeli daripada pengilang berdaftar.
- (ii) Barang-barang siap hendaklah dieksport dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pembelian.
- (iii) Barang-barang siap tidak boleh dijual atau dilupus di Malaysia melainkan dengan kelulusan Ketua Pengarah dan setelah pembayaran cukai yang berkaitan dibuat.
- (iv) Rekod hendaklah dikemaskini dan boleh diperiksa oleh pegawai Kastam pada bila-bila masa.
- (v) Cukai jualan hendaklah dijelaskan ke atas barang-barang yang tidak dapat diakaunkan.
- (vi) Jika barang-barang siap tersebut tidak dieksport dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pembelian, cukai yang terlibat hendaklah dijelaskan.

SOALAN-SOALAN LAZIM

Peralihan GST pada Kadar Standard (0%) ke Cukai Jualan

1. **S : Adakah peruntukan berkaitan skim khas di bawah Akta CBP 2018 seperti ATS, ATMS, dan skim margin digunakan di dalam rejim cukai jualan?**

J : Skim-skim tersebut di bawah Akta CBP 2018 tidak akan digunakan di bawah rejim cukai jualan.

2. **S : Noris Sdn Bhd telah mengeluarkan invoice pada 22 Ogos 2018 dan menerima bayaran penuh pada 25 Ogos 2018. Walau bagaimanapun, barang hanya dipindahkan kepada pembeli pada 4 September 2018. Apakah layanan cukai yang terlibat?**

J : Noris Sdn Bhd perlu mengenakan GST pada kadar standard 0%.

3. **S : VD Manufacture Sdn Bhd melakukan kerja-kerja subkontrak dari 15 Ogos 2018 sehingga 15 Oktober 2018. Walau bagaimanapun, sebahagian kerja subkontrak tersebut dijalankan semasa era GST dan sebahagian lain diselesaikan semasa era cukai jualan. Apakah layanan cukai bagi kerja-kerja subkontrak tersebut?**

J : VD Manufacture Sdn Bhd perlu mengenakan GST pada kadar standard 0% bagi sebahagian kerja yang dilaksanakan sehingga 31 Ogos 2018. Manakala, sebahagian yang lain yang diselesaikan sehingga 15 Oktober 2018 perlu dikenakan cukai jualan pada kadar 10%.

4. **S : Apakah layanan cukai untuk pengimportan *Big Ticket Items* bagi aktiviti petroleum *upstream*?**

J : *Big Ticket Items* di bawah rejim GST akan dimasukkan di dalam petroleum *upstream* Master Exemption List (MEL) dan pengimport barang-barang sepertinya yang merupakan operator petroleum *upstream* akan diberikan pengecualian daripada cukai jualan dengan syarat-syarat seperti yang dinyatakan pada Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

Pengilangan

5. **S : KG Sdn Bhd menyediakan kerja-kerja subkontrak kepada pelanggannya pada 18 Ogos 2018. Walau bagaimanapun, KG Sdn Bhd hanya mengeluarkan invois pada 1 September 2018. Apakah layanan cukai ke atas kerja-kerja subkontrak yang telah dilaksanakan?**

J : KG Sdn Bhd perlu mengenakan GST pada kadar standard 0% ke atas nilai kerja-kerja subkontrak yang telah dilaksanakan kepada pelanggannya pada 18 Ogos 2018.

6. **STank Technicals (M) Sdn Bhd mengemukakan invois ke atas kerja pembaikpulihan yang dibuat kepada pelanggannya pada 24 Ogos 2018. Walau bagaimanapun, kerja pembaikpulihan tersebut hanya dilaksanakan pada 16 September 2018. Apakah layanan cukai ke atas kerja yang dilaksanakan?**

J : STank Technicals (M) Sdn Bhd perlu mengenakan cukai jualan 10% ke atas nilai kerja yang dilaksanakan pada 16 September 2018.

7. **S : EM Packaging (M) Sdn Bhd telah mengeluarkan invois pada 23 Ogos 2018. Walau bagaimanapun, kerja-kerja subkontrak telah dilaksanakan**

bermula pada 23 Ogos 2018 sehingga 4 Oktober 2018. Apakah layanan cukai ke atas kerja-kerja subkontrak yang dilaksanakan?

J : EM Packaging (M) Sdn Bhd perlu mengenakan GST pada kadar standard 0% bagi nilai kerja-kerja yang dilaksanakan sehingga 31 Ogos 2018. Manakala, cukai jualan perlu dikenakan ke atas nilai kerja-kerja subkontrak yang dilaksanakan dari 1 September 2018 hingga 4 Oktober 2018.

8. **S : Saya merupakan pengilang berdaftar dan mempunyai sebuah kantin yang disediakan untuk warga kerja kami di kilang. Walau bagaimanapun, syarikat kami bukan operator atau pemilik kantin tersebut. Apakah layanan cukai ke atas operasi kantin tersebut?**

J : Operator kantin bertanggungjawab untuk didaftarkan sekiranya nilai jualannya melebihi RM1,500,000.

9. **S : Sekiranya saya adalah pengilang berdaftar dan menyediakan perkhidmatan pengurusan / perkongsian, apakah layanan cukai bagi perkhidmatan yang diberikan?**

J : Penyediaan semua jenis perkhidmatan pengurusan dan lain-lain caj yang berkaitan dengan persediaan termasuk pengurusan atau penyelarasaran projek adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti yang dinyatakan di bawah Kumpulan G Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

10. **S : Pengilang berdaftar memberi khidmat perundingan / reka bentuk / perkhidmatan kejuruteraan. Apakah layanan cukai bagi perkhidmatan yang dijalankan oleh pengilang berdaftar?**

J : Penyediaan khidmat rundingan / reka bentuk / kejuruteraan dan lain-lain perkhidmatan berkaitan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti yang dinyatakan di bawah Kumpulan G Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

11. S : Pengilang berdaftar menyediakan kerja-kerja pembaikan, pengujian dan juga perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Apakah layanan cukai bagi kerja-kerja yang dijalankan oleh pengilang berdaftar tersebut?

J : Perkhidmatan seperti pembaikan, pengujian, penyelidikan atau R&D bukanlah suatu jenis perkhidmatan yang tertakluk di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Oleh yang demikian, ia tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

12. S : Caj pengangkutan yang dikenakan oleh pengilang kepada pelanggannya ke atas penghantaran barang-barang.

J : Perkhidmatan pengangkutan ke atas penghantaran barang-barang oleh pengilang kepada pelanggannya bukanlah suatu jenis perkhidmatan yang tertakluk di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Oleh yang demikian, ia tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

13. S : Deklarasi Kastam ke atas pengimportan dan pengeksportan yang dikenakan oleh ejen Kastam kepada pengilang.

J : Jika pengikraran Kastam dilakukan oleh ejen Kastam yang mana syarikat prinsipalnya terletak di Kawasan Khas seperti Gudang Berlesen, maka pengikraran Kastam tersebut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, jika syarikat prinsipal ejen tersebut terletak di KUK maka pengikrarana Kastam tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

14. S : Caj sewa gudang atau penyimpanan yang dikenakan oleh pembekal gudang kepada pengilang.

J : Caj sewa gudang atau penyimpanan yang dikenakan oleh pembekal gudang kepada pengilang ini bukanlah suatu jenis perkhidmatan yang tertakluk di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Oleh yang demikian, ia tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi:

Bahagian Cukai Dalam Negeri
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

BANTUAN LANJUT DAN MAKLUMAT BERKENAAN SST

Maklumat lanjut tentang SST boleh diperolehi dari:

- (i) Laman web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel: 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax: 03-7806 7599
 - Email: ccc@customs.gov.my

LAMPIRAN

Jadual 1: Layanan Cukai Jualan Kawasan Ditetapkan (DA)

BIL	PENGANGKUTAN DARI	PENGANGKUTAN KE	BORANG	LAYANAN CUKAI JUALAN
1.	Luar Malaysia (Overseas)	Kawasan Ditetapkan (DA)	K1	Tiada CJ Seksyen 50(a)(i)
2.	Kawasan Utama Kastam (KUK / PCA)	Kawasan Ditetapkan (DA)	K2	Tiada CJ Seksyen 50(a)(i)
3.	Kawasan Ditetapkan (DA)	Kawasan Ditetapkan (DA)	K8	Tiada CJ Seksyen 50(a)(ii)
4.	Kawasan Ditetapkan (DA)	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	K8	Tiada CJ Seksyen 50(a)(iii)
5.	Kawasan Ditetapkan (DA)	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	K8	Tiada CJ Seksyen 50(a)(iii)
6.	Kawasan Ditetapkan (DA)	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	K1	Tiada CJ Seksyen 50(a)(iii)
7.	Kawasan Ditetapkan (DA)	Kawasan Khas (Kawasan Pembangunan Bersama / JDA)	JDA1	Tiada CJ Seksyen 50(a)(iii)
8.	Kawasan Ditetapkan (DA)	Inland Clearance Depoh (ICD)	K8	Pengecualian Butiran 49
9.	Kawasan Ditetapkan (DA)	Luar Malaysia (Overseas)	K2 (air/sea mode) K8 (road mode)	Pengecualian Butiran 56
10.	Kawasan Ditetapkan (DA)	Kawasan Utama Kastam (KUK / PCA)	K1	Dikenakan CJ (Import) Seksyen 50(b)

Jadual 2: Layanan Cukai Jualan Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)

BIL	PENGANGKUTAN DARI	PENGANGKUTAN KE	BORANG	LAYANAN CUKAI JUALAN
1.	Luar Malaysia (Overseas)	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	FCZ : ZB1 import FIZ : K8	Tiada CJ Seksyen 57(a)(i)
2.	Kawasan Utama Kastam (KUK / PCA)	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	K2	Tiada CJ Seksyen 57(a)(i)
3.	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	K8	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
4.	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	K8	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
5.	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	K8	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
6.	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	Kawasan Khas (Kawasan Pembangunan Bersama / JDA)	JDA1	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
7.	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	Kawasan Ditetapkan (DA)	K8	Tiada CJ Seksyen 57(a)(iii)
8.	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	Inland Clearance Depoh (ICD)	K8	Pengecualian Butiran 49
9.	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	Luar Malaysia (Overseas)	FCZ : ZB1 Eksport FIZ : K8	Pengecualian Butiran 56
10.	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	Kawasan Utama Kastam (KUK / PCA)	K1	Dikenakan CJ (Import) Seksyen 57(b)

Jadual 3: Layanan Cukai Jualan Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)

BIL.	PENGANGKUTAN DARI	PENGANGKUTAN KE	BORANG	LAYANAN CUKAI JUALAN
1.	Luar Malaysia (Overseas)	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	K8	Tiada CJ Seksyen 57(a)(i)
2.	Kawasan Utama Kastam (KUK / PCA)	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	K2	Tiada CJ Seksyen 57(a)(i)
3.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	K8	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
4.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	K8	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
5.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	K8	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
6.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Kawasan Khas (Kawasan Pembangunan Bersama / JDA)	JDA1	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
7.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Kawasan Ditetapkan (DA)	K8	Tiada CJ Seksyen 57(a)(iii)
8.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Inland Clearance Depoh (ICD)	K8	Pengecualian Butiran 49
9.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Luar Malaysia (Overseas)	K8	Pengecualian Butiran 56
10.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Kawasan Utama Kastam (KUK / PCA)	K1/K9	Dikenakan CJ (Import) Seksyen 57(b)

Jadual 4: Layanan Cukai Jualan Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)

BIL.	PENGANGKUTAN DARI	PENGANGKUTAN KE	BORANG	LAYANAN CUKAI JUALAN
1.	Luar Malaysia (Overseas)	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	K1	Tiada CJ Seksyen 57(a)(i)
2.	Kawasan Utama Kastam (KUK / PCA)	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	Invois & Pesanan Penghantaran (DO)	Tiada CJ Seksyen 57(a)(i)
3.	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	GPB1	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
4.	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	Kawasan Khas (Zon Bebas / ZB)	K2	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
5.	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	GPB2	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
6.	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	Kawasan Khas (Kawasan Pembangunan Bersama / JDA)	JDA1	Tiada CJ Seksyen 57(a)(ii)
7.	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	Kawasan Ditetapkan (DA)	K2	Tiada CJ Seksyen 57(a)(iii)
8.	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	Inland Clearance Depoh (ICD)	K2	Pengecualian Butiran 49
9.	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	Luar Malaysia (Overseas)	K2	Pengecualian Butiran 56
10.	Kawasan Khas (Gudang Pengilangan Berlesen / GPB)	Kawasan Utama Kastam (KUK / PCA)	K1/K9	Dikenakan CJ (Import) Seksyen 57(b)

Jadual 5: Layanan Cukai Jualan Kawasan Khas (Kawasan Pembangunan Bersama / JDA)

BIL.	PENGANGKUTAN DARI	PENGANGKUTAN KE	BORANG	LAYANAN CUKAI JUALAN
1.	Luar Malaysia (Overseas)	Kawasan Khas (Kawasan Pembangunan Bersama / JDA)	JDA1	Tiada CJ Seksyen 57(a)(i)
2.	Kawasan Utama Kastam (KUK / PCA)	Kawasan Khas (Kawasan Pembangunan Bersama / JDA)	JDA3	Tiada CJ Seksyen 57(a)(i)
3.	Kawasan Khas (Kawasan Pembangunan Bersama / JDA)	Luar Malaysia (Overseas)	JDA2	Pengecualian Butiran 56
4.	Kawasan Khas (Kawasan Pembangunan Bersama / JDA)	Kawasan Utama Kastam (KUK / PCA)	JDA3	Tiada CJ Seksyen 57(b)

Jadual 6: Layanan Cukai Jualan Kedai Bebas Cukai (KBC)

- Barang-barang bercukai
- Minuman keras dan produk tembakau

BIL	PENGANGKUTAN DARI	PENGANGKUTAN KE	BORANG	LAYANAN CUKAI JUALAN
BARANG-BARANG BERCUKAI				
1.	Luar negara / tempat di luar Malaysia	Kedai bebas cukai (KBC) di KUK	K8	Pengecualian Butiran 66
2.	Luar negara / tempat di luar Malaysia	Kedai bebas cukai (KBC) di FCZ	K8	Pengecualian Butiran 66
3.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Kedai bebas cukai (KBC) di KUK	K8	Pengecualian Butiran 66
4.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Kedai bebas cukai (KBC) di FCZ	K8	Pengecualian Butiran 66
MINUMAN KERAS DAN PRODUK TEMBAKAU				
5.	Kawasan Khas (Gudang Berlesen / GB)	Kedai bebas cukai (KBC) di DA	E8	Pengecualian Butiran 67
6.	Kawasan Khas (Zon Perdagangan Bebas / FCZ)	Kedai bebas cukai (KBC) di DA	E8	Pengecualian Butiran 68

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Versi 2.0 – 01 Januari 2021

Para	Keterangan
Para 28 - 33	Mengeluarkan seksyen Alat Bantuan Pengilangan